

03/03/1997

3 maut dalam nahas Cessna

LANGKAWI, Ahad - Dua jurugambar Filem Negara dan seorang juruterbang terbunuh apabila pesawat Cessna 172 milik Mofaz Air yang membuat liputan peringkat akhir lumba basikal Le Tour de Langkawi '97 (LTDL) terhempas di kawasan paya bakau, di Kelibang, kira-kira lima kilometer dari Kuah, hari ini.

Jurugambar berkenaan ialah Ishak Latif, 35, dan Razak Mohd Nor, 43, manakala juruterbang ialah Nik Alfian Abd Ghani, 26.

Razak meninggal ketika diterbangkan ke Hospital Langkawi dan Ishak serta Nik Alfian meninggal di tempat kejadian.

Pesawat terbabit terhempas kira-kira 15 minit selepas perlumbaan itu dilepaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kira-kira jam 3.30 petang di hadapan Kompleks Lada, di sini.

Kedua-dua jurugambar Filem Negara yang tinggal di Kuala Lumpur membuat liputan perlumbaan itu sejak peringkat pertama di Kota Kinabalu, 19 Februari lalu.

Menurut saksi, pesawat itu kelihatan berlegar-legar di udara ketika perlumbaan dan menjunam ke bumi serta diikuti bunyi dentuman yang kuat.

Saksi berkenaan mendakwa mendengar bunyi enjin pesawat yang semakin perlahan, seolah-olah mengalami kerosakan.

Timbalan Ketua Polis Daerah, Deputy Superintendan, Ahmad Ibrahim, berkata polis yang menerima panggilan daripada orang ramai pergi ke tempat kejadian dan mengeluarkan Razak lalu menerbangkannya ke hospital menggunakan helikopter polis.

"Polis dengan bantuan Jabatan Penerbangan Awam (DCA), Malaysia Airports Berhad dan Jabatan Bomba masih menyiasat punca kejadian," katanya kepada pemberita di tempat kejadian.

Jurucakap hospital, berkata Razak meninggal dalam perjalanan ke hospital kerana dipercayai mengalami perdarahan yang banyak.

Seramai 25 anggota bomba dari Balai Bomba Kuah berjaya mengeluarkan Nik Alfian dan Ishak yang tersepit dalam pesawat itu dalam tempoh kira-kira 15 minit.

Seorang saksi yang melihat kejadian itu, Mohamad Abdullah, 40, berkata ketika kejadian, beliau sedang memandu dan melihat pesawat berkenaan terbang terlalu rendah dan menjunam secara tiba-tiba.

"Saya mengesyaki sesuatu kejadian buruk dan bergegas ke tempat kejadian kerana pesawat yang menjunam itu tidak terbang semula," katanya ketika ditemui di tempat kejadian.

Seorang lagi saksi, Isaudin Ani, 25, berkata beliau mendengar bunyi enjin pesawat seperti mengalami kerosakan ketika terbang melintas berhampiran rumahnya pada ketinggian setinggi pokok kelapa.

"Saya mendengar bunyi enjinnya seperti mengalami kerosakan dan terus menjunam ke kawasan paya bakau ketika melintasi atas kawasan rumah saya.

"Saya juga mendengar dengan jelas bunyi dentuman yang kuat," katanya.

Isaudin yang pertama tiba di tempat kejadian juga mendengar seorang daripada mangsa mengerang kesakitan sambil menggoyangkan tangannya seperti memberi isyarat meminta bantuan.

Beliau meminta mangsa berkenaan menunggu sebentar dan berlari ke rumah kawannya yang berhampiran bagi meminta bantuan menghubungi polis.

Sementara itu, isteri juruterbang pesawat itu, Mariati, 23, berkata, Nik Alfian yang berasal dari Kelantan bertugas dengan Mofaz Air kira-kira dua tahun lalu.

Mariati yang berkahwin dengan Nik Alfian lima bulan lalu berkata, suaminya tidak menunjukkan sebarang perubahan dan menghubunginya sebelum melakukan penerbangan kira-kira jam 2.30 petang.

Beliau juga terkejut apabila diberitahu mengenai kemalangan yang menimpa suaminya daripada salah seorang pekerja syarikat penerbangan itu kira-kira jam 5.20 petang.

(END)